

Penyelidik UPM menang anugerah

PENYELIDIKAN bertajuk 'MyVAC UPM93 Infections Bursal Disease Vaccine' oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi Anugerah Inovasi Penyelidik antara Sektor Awam dengan Sektor Swasta sempena Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Sektor Awam 2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

Penyelidik dari Fakulti Perubatan Veterinar UPM itu terdiri daripada Profesor Dr Mohd Hair Bejo, Profesor Dr Aini Ideris dan Profesor Madya Dr Abdul Rahman Omar. Ketua projek itu, Dr Mohd

Hair, berkata projek itu adalah vaksin untuk merawat wabak penyakit berjangkit bursa (IBD) atau Gumboro pada ternakan ayam akibat virus IBD yang sangat aktif hingga menyebabkan kerugian ekonomi lebih daripada RM 72 juta setahun di negara ini.

"Kerugian yang ditanggung ini disebabkan kematian yang tinggi dan kehilangan daya tahan pada ternakan ayam.

"Oleh itu, penyakit terbabit boleh dicegah dengan program vaksinasi dan biosekuriti.

"Dari situlah kami mengkomersialkan MyVAC UPM93 IBD iaitu vaksin yang selamat dan berkesan untuk ayam daripada

jangkitan di ladang," katanya.

Menurut Hair, vaksin itu lulus keperluan ujian makmal seperti keselamatan, steriliti, berulang menjadi aktif dan bebas daripada virus lain.

"Kajian membuktikan MyVAC UPM93 IBD adalah selamat, berkesan dan boleh menghasilkan paras antibodi yang tinggi dan melindungi ayam.

"Ia kini berada di pasaran dan tidak mengganggu tumbesaran serta prestasi ayam," katanya.

Kumpulan penyelidik terbabit membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 dan sijil penghargaan yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.



TERBUKTI...Dr Mohd Hair menunjukkan produk penyelidikan kepada Abdullah selepas memenangi anugerah.



Kajian membuktikan MyVAC UPM93 IBD adalah selamat, berkesan dan boleh menghasilkan paras antibodi yang tinggi dan melindungi ayam. Ia kini berada di pasaran dan tidak mengganggu tumbesaran serta prestasi ayam"

>Dr Mohd Hair
Ketua Projek